



KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT

MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (MAPO) BILANGAN 2 TAHUN 2021

1. Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah bermesyuarat pada 22 Julai 2021 dan disertai secara dalam talian oleh lebih kurang 70 orang wakil kementerian dan agensi anggota MAPO serta organisasi lain dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.
2. Dalam Mesyuarat MAPO kali kedua bagi tahun 2021 ini, sebanyak dua kertas pemakluman telah dibentangkan iaitu;
 - i. Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) Mengenai Pemerdagangan Orang Tahun 2021; dan
 - ii. Garis Panduan Pengoperasian di Bawah MAPO Semasa Penularan Penyakit Berjangkit.
3. Melalui kertas pembentangan yang pertama, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum **penarafan Tahap 3 (Tier 3)** ke atas Malaysia dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) Mengenai Pemerdagangan Orang tahun 2021.
4. Penarafan kepada **Tahap 3 ini merupakan penurunan secara automatik** selepas tiga tahun berturut-turut berada di kedudukan Tahap 2 Pemerhatian (*Tier 2 Watchlist*).
5. Dalam hubungan ini, **mekanisma sedia ada** yang diwujudkan sejak tahun 2008 iaitu **MAPO** yang diterajui oleh KDN bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan lain sentiasa **mengambil tindakan strategik dan tegas** bagi **menangani jenayah pemerdagangan orang**. Struktur dan jawatankuasa sedia ada di bawah Majlis boleh diperkasakan dan mana-mana ahli diundang untuk membantu Negara **menambahbaik penarafan Malaysia** pada tahun-tahun akan datang.

6. **MAPO** juga akan **memperkasakan kerjasama** yang telah terjalin dengan pelbagai organisasi lain seperti **badan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat madani (CSO), pertubuhan antarabangsa, ahli akademik serta individu-individu yang aktif** dalam isu ini bagi memastikan ia **ditangani secara holistik melalui pendekatan *whole-of-nation*, tanpa kompromi dengan mengutamakan keselamatan dan kedaulatan negara**. MAPO akan turut meneruskan agenda libat urus dengan Kedutaan Besar Amerika Syarikat dalam memerangi jenayah pemerdagangan orang di Malaysia.

7. Selain daripada itu, MAPO juga telah menyediakan **Laporan Negara mengenai Pemerdagangan Orang yang bertujuan untuk menerangkan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang di Malaysia**. Laporan ini adalah dokumen umum yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang MAPO (<http://mapo.bernama.com/>).

8. MAPO juga telah melancarkan **Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Antipemerdagangan Orang (2021-2025) atau *National Action Plan on Anti-trafficking in Persons (NAPTIP 3.0)*** yang merupakan komitmen berterusan pihak Kerajaan dengan disokong oleh NGO, CSO, pertubuhan antarabangsa termasuk perwakilan diplomatik asing dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang ini. Dokumen NAPTIP 3.0 juga boleh dimuat turun daripada laman sesawang MAPO.

9. Kertas pembentangan kedua pula memberi **fokus kepada kepentingan aspek pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit contohnya semasa pandemik Covid19 sekarang di semua peringkat penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan** demi menjamin kesihatan, keselamatan serta kesejahteraan pihak pelaksana di bawah MAPO **termasuk mangsa-mangsa pemerdagangan orang**.

10. Sehingga **Jun 2021**, sebanyak **58 kes pemerdagangan orang** telah diambil tindakan melibatkan tangkapan berjumlah **131 orang**. Daripada jumlah ini, sebanyak **37 kes** adalah melibatkan **eskploiitasi buruh paksa**. Bagi tempoh yang sama, sebanyak **142 kes penyeludupan migran** telah diambil tindakan melibatkan tangkapan berjumlah **233 orang**.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

22 Julai 2021, Putrajaya